

# Kumpulan KSK beli tanah di Jalan Conlay

KUALA LUMPUR 29 Dis. - KSK Group Bhd. (KSK), telah menandatangani perjanjian jual beli untuk memperoleh sebidang tanah di Jalan Conlay di sini daripada Suasana Simfoni Sdn. Bhd. dengan pertimbangan tunai RM568 juta.

Hartanah tersebut, didaftarkan sebagai Lot 20000, Seksyen 63, Kuala Lumpur.

Tanah yang diambil alih itu mempunyai status pegangan bebas seluas 1.5808 hektar dan oleh pihak berkuasa untuk projek pembangunan bercampur.

Ketua Pegawai Eksekutif KSK Group dan



JOANNE KUA

Pengarah Urusan KSK Land., Joanne Kua berkata, ini adalah pembelian hartanah pertama KSK Group Bhd., yang projeknya akan dilaksanakan menerusi KSK Land Sdn. Bhd., sebuah anak syarikat milik penuh Kumpulan KSK.

Katanya, pihaknya berasa amat gembira kerana melihat prospek hartanah yang terletak di Jalan Conlay itu, memandangkan lokasinya yang bagus dalam salah satu kawasan terpilih di pusat bandar raya Kuala Lumpur.

Jelasnya, sebidang tanah yang dibeli itu dikelilingi pelbagai projek mercu tanda se-

perti Menara Berkembar Petronas dan Suria KLCC yang ikonik serta pusat membeli-belah Pavilion yang berprestij.

“Kami yakin akan menyaksikan permintaan memberangsangkan daripada pasaran kerana lokasi ini akan terus menerima manfaat daripada pelbagai projek pembangunan berterusan seperti Banyan Tree Residences dan Hotel Harrods yang berhampiran,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini baru-baru ini.

Joanne menambah, KSK Land kini sedang memberi tumpuan terhadap usaha bagi menyempurnakan proses pengambilalihan hakmilik tanah tersebut menjelang suku pertama tahun hadapan.